

28 JUN 2000

OIC-Sempadan

ISU SEMPADAN MALAYSIA INDONESIA DIBINCANG OGOS INI

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Sebarang permasalahan mengenai sempadan Malaysia dan Indonesia akan dibincangkan dalam mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JC) pada Ogos ini, kata Menteri Luar Indonesia Alwi Shihab.

"Kita akan duduk berbincang akan hal itu, apa lagi dengan Malaysia yang hubungan jirannya dengan Indonesia sentiasa baik," katanya di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi baru-baru ini yang menyatakan sebarang permasalahan antara Malaysia dan Indonesia tidak harus dibincang melalui akhbar.

Perkara itu merujuk kepada dakwaan akhbar-akhbar di Indonesia kononnya kecurian balak di kawasan sempadan Sarawak dan Kalimantan didalangi askar Malaysia.

Alwi berkata, "saya kira cadangan Abdullah itu sangat baik kerana kadang-kadang kenyataan akhbar tidak tepat dan menimbulkan kekeliruan.

Oleh itu lebih baik diadakan perbincangan secara langsung yang akan membawa hubungan yang lebih baik."

Alwi berada di sini untuk menghadiri sesi ke 27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam selama empat hari yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika diminta mengulas perkara yang sama berkata, hal itu akan dibincangkan melalui saluran rasmi sahaja.

Mengenai cadangan Indonesia memasukkan Malaysia dalam jawatankuasa enam negara yang memantau pelaksanaan perjanjian keamanan antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Syed Hamid berkata beliau berterima kasih dan menyambut baik cadangan itu.

Indonesia merupakan pengerusi jawatankuasa itu yang turut dianggotai oleh Bangladesh, Arab Saudi, Senegal, Somalia dan Libya.

Menurut Alwi semalam, usul berkenaan akan dimasukkan dalam jawatankuasa itu yang akan bersidang di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata, keanggotaan Malaysia dalam jawatankuasa itu terpulang kepada keputusan ahli-ahli Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) sama ada mahu meminda komposisi jawatankuasa itu kepada lebih daripada enam anggota atau tidak.

Beliau berkata, "sama ada kita ada dalam (jawatankuasa) atau tidak, kita akan terus memainkan peranan dalam semangat Asean dan sebagai anggota OIC."

Jawatankuasa enam anggota itu ditubuhkan pada 1974 dan mengadakan mesyuarat pertamanya di Tripoli, Libya pada 1976.

Beliau berkata pada 1996, Mindanao di Selatan Filipina diberi kuasa autonomi seperti yang dipersetujui oleh MNLF, tetapi masih terdapat rasa tidak puas hati di kalangan MNLF, sementara Filipina pula menyatakan mereka telah memberi apa yang sewajarnya.

Tetapi usaha masih dilakukan untuk menembusi kebuntuan yang dihadapi oleh kedua-dua pihak bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan selama-lamanya, tambahnya.

-- BERNAMA

HT PR